

## KULIM (MALAYSIA) BERHAD HIV/AIDS POLICY

KULIM recognizes the seriousness of the HIV/AIDS epidemic and its impact on the workplace. KULIM supports efforts to reduce the spread of infection and minimize the impact of the disease. The purpose of this Policy is to ensure consistency and equitable approach to the prevention of HIV/AIDS among KULIM employees and their families, and the management of the consequences of HIV/AIDS. This Policy has been developed based on the Code of Practice on Prevention and Management of HIV/ AIDS at the Workplace issued by the Ministry of Human Resources, Malaysia.

In accordance with our OSH Policy, KULIM is committed, as is reasonable and practicable, to provide and maintain a safe and healthy working environment including from diseases, for all of its employees and others who may be affected by KULIM's activities.

KULIM recognizes that people with HIV/ AIDS may live full and active lives for many years and it will not discriminate or tolerate discrimination against employees or job applicants on any grounds, including HIV/AIDS.

KULIM ensures that:

- Employment practices should be based on the scientific and epidemiological evidence that people with HIV/AIDS do not pose a risk of transmission of the virus to co-workers through ordinary workplace contact;
- HIV-positive status is not the sole criterion for disqualification from any form of employment;
- HIV-positive employees have the right to continue employment as long as they are able to work and as long as they do not pose any danger to themselves, their co-workers and other individuals in the workplace;
- The procedure for termination of employment on medical grounds for HIV-positive employees is the same as for any other disease; and
- Any employee who discriminates or stigmatizes HIV positive or perceived HIV-positive employees shall be subjected to disciplinary action.

## KULIM (MALAYSIA) BERHAD HIV/AIDS POLICY

KULIM rejects HIV testing as a pre-requisite for employment, promotion or other employment benefits. Pre-employment medical check-up is exception of HIV testing.

KULIM acknowledge the sensitivity revolving HIV/AIDS and takes appropriate steps to handle the issue in a good manner. Employees with HIV/AIDS are not compulsory to share his/her status with KULIM or other employees. His identity will be kept confidential shall he/she informed the Management Team.

Where a person chooses to inform another employee that he/she has HIV/AIDS, this information is not to be disclosed to any other person, without the consent of the person who has given the information. Where doctors have confirmation that an employee has HIV/AIDS, that information will be disclosed under strict confidentiality to the concerned employee followed by counselling. Upon the consent of the infected employee, the information will also be disclosed to the Head of Department for operational reasons.

Employee who violates this provision of "Confidentiality" will be subject to disciplinary action including termination of service.

KULIM will continuously conduct education, training and awareness in the workplace on HIV/AIDS in dealing with infection and fostering tolerance among employees living with HIV/AIDS. Through these educational programs, it can contribute to employees' ability to protect themselves from HIV/ AIDS infection, reduce HIV/ AIDS-related stress, reduce workplace imbalance and foster good attitudes and behaviors.

KULIM strives to ensure fair gender relations in a non-discriminatory environment at the workplace so that all employees receive equal treatment to medical and other resources.

APPROVED BY:

  
MOHD FARIS ADLI SHUKERY  
Managing Director  
7 December 2021

Pg  
2/2

## KULIM (MALAYSIA) BERHAD POLISI MENANGANI HIV/AIDS

KULIM memperakui betapa seriusnya wabak HIV/AIDS dan kesannya di tempat kerja. KULIM menyokong usaha-usaha mengurangkan kesan wabak ini. Polisi ini bertujuan memastikan tindakan yang konsisten dan adil dalam menangani HIV/AIDS di kalangan anggota pekerja KULIM dan kaedah pengurusan kesan-kesan HIV/AIDS. Polisi ini adalah berdasarkan Kod Amalan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Selaras dengan Polisi Keselamatan dan Kesihatan, KULIM komited, selagi munasabah dan praktikal, untuk menyedia dan memelihara persekitaran kerja yang selamat dan sihat termasuk dari segi HIV/AIDS untuk semua anggota pekerja dan orang lain yang mungkin menerima impak daripada aktiviti kami.

KULIM memperakui bahawa pesakit HIV/AIDS boleh hidup secara aktif dan tidak akan mendiskriminasi anggota pekerja atau calon-calon anggota pekerja atas sebarang sebab termasuk HIV/AIDS.

KULIM akan melayan semua pekerja yang menghidap atau dijangkiti HIV/AIDS dengan penuh ihsan dan akan membantu secara wajar termasuk kaunseling, cuti sakit dan maklumat terkini berkaitan virus dan kesannya. KULIM akan memastikan:

- Amalan pekerjaan berdasarkan kepada bukti kajian saintifik dan epidemiologik bahawa pesakit HIV/AIDS tidak membawa jangkitan kepada rakan sekerja melalui hubungan kerja normal;
- Status positif HIV bukan satu-satunya kriteria untuk menolak pengambilan sebarang bentuk pekerjaan;
- Anggota pekerja yang positif HIV berhak meneruskan pekerjaan selagi berdaya dan selagi tidak menimbulkan sebarang bahaya sama ada kepada diri sendiri, rakan sekerja atau orang lain di tempat kerja;
- Prosedur pemberhentian kerja atas sebab perubatan untuk pesakit yang positif HIV adalah sama seperti pesakit-pesakit lain; dan
- Sebarang pekerja yang mendiskriminasi anggota pekerja yang menghidap HIV akan dikenakan tindakan disiplin.

## KULIM (MALAYSIA) BERHAD POLISI MENANGANI HIV/AIDS

KULIM menolak ujian HIV sebagai pra-syarat untuk pengambilan kerja, kenaikan pangkat atau faedah pekerjaan lain. Ujian perubatan sebelum diambil kerja mengecualikan ujian HIV.

KULIM memperakui isu sensitif yang menyelubungi HIV/AIDS dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengendalikan isu ini secara berhati-hati. Anggota pekerja yang menghidap HIV/AIDS tidak diwajibkan untuk memberitahu KULIM atau anggota pekerja lain tentang statusnya. Jika anggota pekerja telah mendedahkan kepada pengurusan tentang status HIV/AIDSnya, identiti beliau akan dirahsiakan.


Sekiranya seseorang memilih untuk memberitahu anggota pekerja lain tentang status HIV/AIDS beliau, maklumat ini tidak akan didedahkan kepada orang lain tanpa izin beliau. Apabila doktor mengesahkan seseorang pekerja menghidap HIV/AIDS, maklumat ini akan disampaikan kepada beliau, diikuti dengan sesi kaunseling. Dengan izin pekerja yang menghidap HIV/AIDS ini, maklumat ini akan disampaikan kepada Ketua Jabatan beliau atas sebab-sebab operasi.

Anggota pekerja yang melanggar peruntukan "Kerahsiaan" ini akan dikenakan tindakan disiplin termasuk penamatan perkhidmatan.

KULIM akan secara berterusan menjalankan pendidikan, latihan dan kesedaran di tempat kerja tentang HIV/AIDS dalam menangani jangkitan dan memupuk toleransi terhadap pekerja yang menghidap HIV/AIDS. Adalah penting program-program ini dijalankan kerana pendidikan yang efektif boleh menyumbang kepada kebolehan pekerja dalam melindungi diri dari jangkitan HIV/AIDS, mengurangkan tekanan berkaitan HIV/ AIDS, mengurangkan ketidakseimbangan di tempat kerja dan memupuk perubahan sikap dan tingkah laku.

KULIM akan terus memastikan hubungan yang adil antara jantina dalam suasana yang tidak mendiskriminati di tempat kerja agar semua anggota pekerja menerima layanan yang sama kepada perubatan dan sumber-sumber lain.

DILULUSKAN OLEH:

  
MOHD FARIS ADLI SHUKERY  
Pengarah Urusan  
7 Disember 2021

Ms  
2/2